



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 2 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	226kg AYAM SEJUK BEKU DISITA JADI MAKANAN IKAN KELI, DALAM NEGERI, UM -10 AYAM SEJUK BEKU YANG DISITA DIJADIKAN MAKANAN TERNAKAN KELI DI PENJARA, KOTA BHARU, SH -27 SERAH 226.7kg AYAM SEJUK BEKU JADI MAKANAN KELI TERNAKAN, LOKAL, HM -11	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	PESAWAH LEGA PASFA TAWAR HARGA BAJAK LEBIH RENDAH, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	ENGGAN BAYAR SEWA TANAH PERTANIAN, LOKAL, HM -19	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

226kg ayam sejuk beku disita jadi makanan ikan keli

KOTA BHARU: Sebanyak 226.7 kilogram (kg) rampasan ayam sejuk beku diserahkan kepada Jabatan Penjara Marang, Terengganu untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli di bawah Program Rehabilitasi Banduan.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan, Syed Fuad Syed Putra berkata, serahan membabitkan 21 kotak ayam sejuk beku itu dijalankan pada 23 September lalu.

Menurut beliau, bahan mentah itu merupakan sitaan pengimportan hasil haiwan yang dilucutkan hak kerana tidak mematuhi aspek perundangan Seksyen 13 di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

“Kita berharap serahan ayam sejuk beku itu dapat menampung kos bekalan untuk dijadikan makanan kepada ternakan ikan keli di penjara tersebut.

“Maqis Kelantan sentiasa memberi sokongan penuh, inisiatif yang dilakukan Penjara Marang, dalam usaha menjayakan program tersebut,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Syed Fuad berkata, tindakan itu salah satu kaedah pelupusan hasil haiwan yang disita dan dilucutkan hak.

Ayam sejuk beku yang disita dijadikan makanan ternakan keli di penjara

KOTA BHARU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan menyerahkan sejumlah 226.7 kilogram keratan ayam sejuk beku yang dilucut hak kepada Jabatan Penjara Marang, Terengganu.

Pengarah Maqis Kelantan, Syed Fuad Syed Putra berkata, bahan mentah itu untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli di bawah Program Rehabilitasi Banduan di penjara berkenaan.

Menurut beliau, ayam beku itu merupakan bahan mentah yang disita dan dilucut hak kerana tidak mematuhi undang-undang di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan

Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta728].

"Kita berharap penyerahan itu dapat menampung kos bekalan bahan mentah untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli.

"Pihak Maqis menyokong penuh inisiatif Jabatan Penjara Marang dalam menjayakan Program Rehabilitasi Banduan," katanya melalui kenyataan pada Rabu.

Syed Fuad memberitahu, tindakan itu antara kaedah pelupusan hasilan haiwan yang disita dan dilucutkan hak.

Tambah beliau, Maqis tidak akan berompromi terhadap ketidakpatuhan terutamanya membabitkan isu biosekuriti.



Jabatan Penjara Marang (kanan) menerima ayam sejuk beku daripada wakil Maqis Kelantan.

Serah 226.7kg ayam sejuk beku jadi makanan keli ternakan

Kota Bharu: Ayam sejuk beku yang dirampas dan dilucuthak oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Kelantan diserahkan kepada Jabatan Penjara Marang, Terengganu untuk diberi makan kepada keli ternakan.

Pengarah Maqis Negeri Kelantan, Syed Fuad Syed Putra berkata, penyerahan barangan keratan ayam sejuk beku seberat 226.7 kilogram (kg) itu untuk dijadikan makanan ternakan ikan keli di bawah Program Rehabilitasi Banduan di penjara berkenaan.

"Sebanyak 21 kotak berisi keratan ayam sejuk beku seberat 226.7kg diserahkan kepada Penjara Marang pada 23 September lalu.

"Barangan ini hasil sitaan pengimportan hasil hai-

wan yang dilucuthakkan kerana tidak mematuhi aspek perundangan. Sekyen 13 mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]," katanya semalam.

Beliau berkata, penyerahan itu antara kaedah pelupusan hasil haiwan disita dan dilucuthak malah Maqis tidak akan berkompromi terhadap ketidaktahuan terutama membabitkan isu biosekuriti.

Beliau berharap penyerahan barangan itu dapat menampung kos bekalan bahan mentah makanan kepada ternakan ikan keli.

"Penyerahan ini juga sebagai tanda Maqis Negeri Kelantan menyokong penuh inisiatif Jabatan Penjara Marang dalam menjayakan Program Rehabilitasi Banduan," katanya.



KOTAK berisi ayam sejuk beku dilucuthakkan Maqis Kelantan diserahkan kepada Jabatan Penjara Marang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Pesawah lega Pasfa tawar harga bajak lebih rendah

BENTONG: Pesawah di Rompin dan Pekan dekat sini boleh menarik nafas lega apabila Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa) memberikan jaminan membajak perkhidmatan rendah dengan kadar upah dan berpatutan.

Selaras penghapusan subsidi diesel baru-baru ini menyeksikan pengusaha jentera bajak swasta menaikkan harga upah sehingga hampir 100 peratus sekali gus menyebabkan lebih

4,000 pesawah semakin terbelan akibat kenaikan 'kossawah' termasuk harga input pertanian dan upah.

Difahamkan, terdapat kenaikan harga upah sehingga RM120 bagi pembajakan untuk keluasan tanah 0.4 hektar yang sebelum ini antara RM60 hingga RM70 sahaja bagi keluasan yang sama.

Pengerusi Pasfa, Datuk Zamri Yaakob berkata, pertubuhan itu boleh menawarkan kadar

upah pada harga lama iaitu antara RM150 hingga RM170 bagi dua kali upah membajak untuk kawasan sawah seluas 0.4 hektar.

Menurutnya, ia jauh berbeza dengan pihak swasta yang tidak menawarkan kadar upah sehingga RM120 bagi sekali bajak untuk keluasan sama.

"Pihak, Pasfa sedia membantu golongan pesawah di negeri ini yang dilihat begitu terbeban dengan kenaikan pelbagai input

pertanian dengan menawarkan perkhidmatan membajak.

"Kita ada unit Pasfa Jentera yang mana kita mempunyai mesin bajak dan jentera menuai yang kebanyakannya (upah) kita boleh beri pada harga yang lebih murah dan rendah.

"Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) pun setiap tahun ada memberikan kita traktor dan jentuai secara geran percuma, jadi kita boleh gunakan dan harga jadi rendah," katanya.

di sini semalam.

Menurut Zamri, pihaknya mempunyai Unit Pasfa Jentera sejak dahulu yang boleh memberikan perkhidmatan kepada pesawah yang memerlukan dengan menawarkan harga yang rendah meskipun berlaku penghapusan subsidi diesel.

"Harga bajak yang kita tawarkan tidak akan membebankan pesawah dan kita bersedia jika mendapat permintaan daripada pesawah-pesawah," katanya.

2/10/2024

HARIAN
METRO

LOKAL

19

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuantan

Tindakan tegas wajar diambil dalam memastikan aktiviti penerokaan secara haram kawasan hutan simpan yang dijadikan kebun sayur di Cameron Highlands tidak terus berleluasa.

Empat kawasan hutan simpan yang menjadi tumpuan pihak tidak bertanggungjawab membabitkan Hutan Simpan Sungai Ichat, Hutan Simpan Batu Gangan, Hutan Simpan Mentigi dan Hutan Simpan Bertam.

Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid berkata, tindakan menceroboh hutan simpan di Cameron Highlands untuk dijadikan kebun sayur sudah lama berlaku.

Menurutnya, tindakan berani beberapa individu terbabit terdiri daripada penduduk tempatan lebih kepada sikap atau cubaan pekebun berkenaan yang tidak mahu membayar sewa tanah pertanian yang

Enggan bayar sewa tanah pertanian

Kebun sayur penceroboh hutan simpan Cameron Highlands dimusnahkan



KAKITANGAN JPNP memusnahkan tanaman bawang yang diusahakan pekebun haram di Hutan Simpan Bertam.

sudah mereka gunakan. Katanya, golongan terabit bertindak meneroka kawasan hutan simpan yang dikawal sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) yang melarang apa juga aktiviti dilakukan termasuk dijadikan kebun sayur.

"Tindakan tegas perlu di-

lakukan pihak berkuasa terutama JPNP dalam usaha menyekat aktiviti pencerobohan hutan simpan secara haram di Cameron Highlands tidak terus berlaku hingga mengundang perkenaan tidak diingini.

"Pekebun yang memiliki permit atau lesen mengusahakan kebun sayur perlu

membayar sewaan atau cukai, sedangkan mereka yang menceroboh tidak mengeluarkan sebarang hasil pada kerajaan," katanya dihubungi di sini, kelmarin.

Beliau berkata, kegiatan meneroka hutan simpan dan tanah kerajaan secara haram menyebabkan tera-

jaan kerugian sumber pendapatan selain mengakibatkan kemusnahan alam sekitar.

Menurutnya, ia mengundang kemusnahan serta kepupusan fauna dan flora selain berlaku hakisan tanah yang mengakibatkan tanah runtuh dan banjir lumpur.

Syed Abd Rahman menegaskan, difahamkan jumlah kawasan ceroboh yang diusahakan dengan pertanian secara haram kini jauh berkurangan berbanding 10 tahun lalu terutama selepas tindakan tegas dilakukan pihak berkuasa.

Beliau berkata demikian mengulas kelayakan operasi pemusnahan bersepadu JP-NP seluas 16.98 hektar kawasan ceroboh yang dijalankan kebun sayur di empat hutan simpan di Cameron Highlands minggu lalu.

Turut dimusnahkan, 20 binaan yang terdapat dalam empat hutan simpan berupa rumah kongsi termasuk pondok, stor simpanan baja dan rumah plastik.

Operasi lima hari itu membabitkan empat kawasan hutan simpan, Hutan Simpan Sungai Ichat seluas 0.9 hektar diikuti Hutan Simpan Batu Gangan (1.22 hektar), Hutan Simpan Mentigi (5.7 hektar) dan Hutan Simpan Bertam (9.16 hektar).

Kawasan ceroboh diusahakan dengan beberapa jenis tanaman sayur seperti kacang buncis, lobak, kubis dan bawang dipercayai diusahakan beberapa penduduk tempatan yang menggunakan khidmat pekerja warga asing.

Selain memusnahkan tanaman sayur dalam hutan simpan, JP-NP turut menanam 2,300 pokok hutan.

2,300

Biangan pokok hutan yang ditanam JP-NP bagi menggantikan tanaman sayur